

05/08/1999

Mapen II tiada agenda politik

Kadir Dikoh; Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Rabu - Keengganan parti pembangkang untuk menyertai Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen 11), hanya akan menghalang mereka daripada turut menyumbang idea kepada proses pembangunan yang patut dilalui Malaysia pada alaf akan datang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, majlis ini tidak memilih 'bulu' dan tidak condong kepada agenda politik, sebaliknya menyediakan forum bagi ahlinya yang terdiri daripada pelbagai peringkat kumpulan masyarakat, untuk bertukar fikiran dan pendapat.

"Inilah peluang yang sepatutnya disambut dengan hati terbuka. Sesiapa saja yang sayangkan negara seharusnya mengetepikan kepentingan sendiri termasuk kefahaman politiknya... ini bukan gelanggangnya," katanya ketika melancarkan Mapen 11, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, hari ini.

Sebelum ini, parti pembangkang utama iaitu DAP, Pas dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) turut dipelawa untuk menjadi anggota Mapen 11. Bagaimanapun, mereka menolak pelawaan itu.

Satu-satunya parti pembangkang yang menyertai majlis itu ialah Parti Bersatu Sabah (PBS).

Perdana Menteri berkata, penubuhan majlis itu bukan bermaksud untuk mencapai faedah politik seperti yang disangka oleh pembangkang.

Katanya, tempoh hayat rancangan jangka panjang yang hendak digubal iaitu antara 10 atau 20 tahun yang melebihi dari satu tempoh pemerintahan sesuatu parti politik, dengan sendirinya menolak prasangka itu.

"Pemilihan (ahli majlis) dibuat dengan hasrat supaya semua pihak dalam masyarakat Malaysia diwakili, supaya teras dan arah tuju yang dicadangkan nanti adalah hasil buah fikiran bernas daripada semua cerdik pandai negara ini, dengan nafas baru dan mengambil kira semua sudut dan aspek yang penting," katanya.

Berikutan itu, Dr Mahathir berkata, pihak yang tidak bersetuju dengan penubuhan Mapen 11 sepatutnya lebih bijak menimbang dan menyesuaikan diri dengan keperluan masa.

"Di gelanggang pertarungan kita menyingsing lengan, tetapi di majlis bermusyawarah kita bertemu sila.

"Kita patut bermuafakat apabila kepentingan negara menjadi pokok persoalan. Seperti kata pepatah bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat; yang ringan sama dijinjing, yang berat sama dipikul," katanya.

Beliau berkata, jika masyarakat membiarkan perbezaan pendapat dan ideologi politik mempengaruhi usaha muafakat seperti ini, ia hanya akan memberi kesan kepada generasi akan datang.

"Generasi akan datang akan mengutuk kita jika kita hanya memikirkan mengenai masa dan zaman kita saja dan tidak membina asas untuk kemajuan mereka yang menjadi pewaris kita.

"Sesungguhnya, kita bertanggungjawab terhadap mereka yang akan menyambung pembangunan yang telah kita usahakan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sebenarnya boleh membentuk dasar baru dan menggubalnya sendiri tanpa berunding dengan mana-mana pihak lain.

Bagaimanapun katanya, itu bukanlah cara kerajaan, sebaliknya ia ingin memberi peluang kepada semua pihak untuk memberi sumbangan dalam menentukan masa depan negara kerana percaya semya lapisan masyarakat

mempunyai hak.

Sementara itu, pada sidang akhbar selepas majlis berkenaan Perdana Menteri berkata beliau tidak dapat membuat keputusan untuk menerima mana-mana parti pembangkang, sekiranya ada yang bertukar fikiran untuk menjadi ahli Mapen 11.

(END)